

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 24 OKTOBER 2017

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kenapa pengambilan pekerja asing sebagai 'cashier' di gedung membeli belah, pekerja restoran dan pengawal keselamatan masih berleluasa dan dimonopoli oleh warga asing. Apakah tidak ada langkah untuk memperbanyakkan pengambilan pekerja tempatan dalam sektor tersebut.

PR-1353-L03272

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah menetapkan dasar pengurusan pekerja asing bertujuan untuk memberikan keutamaan kepada pengambilan tenaga kerja tempatan dalam industri-industri pekerjaan di negara ini.
2. Berhubung dengan pengambilan pekerja asing sebagai *cashier* di gedung membeli belah, Kerajaan secara jelasnya tidak membenarkan majikan dalam industri berkaitan untuk mengambil pekerja asing lebih-lebih lagi untuk bekerja secara *frontliner*. Sehubungan itu, sekiranya didapati perkara ini berlaku, adalah disarankan untuk menghubungi pihak Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan lanjut.
3. Bagi jawatan pengawal keselamatan dan pekerja restoran, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menarik minat pencari kerja tempatan menceburi industri ini, antaranya seperti:
 - (i) mempromosi jawatan-jawatan ini dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
 - (ii) menggalakkan majikan untuk menawarkan kadar upah berserta pakej-pakej pekerjaan yang menarik untuk menggalakkan pencari kerja tempatan menceburi bidang ini; dan

(iii) Kerajaan juga turut menggalakkan industri-industri tertentu khususnya restoran untuk menjalankan perkhidmatan *self service* sekiranya menghadapi kesukaran untuk menggajikan pekerja tempatan dan sebagai langkah mengurangkan kebergantungan pekerja asing.